

**DALAM TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA MALAYSIA  
DI MELAKA**

**TUNTUTAN NO: TPM-M-(P)-55-2011**

<b>MOHD SABRI BIN MD SHARIP</b>	- PIHAK YANG MENUNTUT
<b>WELLMEN NETWORK SDN BHD</b>	- PENENTANG PERTAMA
<b>JIVE GLOBAL(M) NETWORK SDN BHD</b>	- PENENTANG KEDUA

**ALASAN PENGHAKIMAN**

Satu Award di dalam Borang 8 bertarikh 11 Mei 2011 telah dikeluarkan terhadap kedua-dua Penentang kerana kedua-dua Penentang telah gagal untuk menghadiri Tribunal pada hari pendengaran Tuntutan terhadap mereka. Kedua-dua Penentang telah memfailkan Borang 12 untuk mengenepikan Award di Borang 8 tersebut. Permohonan untuk mengetepikan award bertarikh 11 Mei 2011 dibenarkan dan kes didengar semula.

**KETERANGAN PIHAK YANG MENUNTUT**

Keterangan di dalam kes ini adalah seperti di dalam nota keterangan dan eksibit-eksibit yang di lampirkan. Bersama Borang 1 dan Borang 2 oleh kedua-dua pihak. Pihak Yang Menuntut (PYM) menyatakan bahawa beliau telah menjadi ahli "timeshare" Legend Worldwide Holidays pada tahun 2006 dan telah membayar RM1200.00 sebagai deposit dan beliau telah mengemukakan resit bayaran mengenainya. Harga penuh keahlian ialah RM12000.00 tetapi PYM tidak membayar bakinya kerana selepas pembayaran deposit beliau tidak menerima apa-apa panggilan dari Legend World Wide Holidays. Sehingga hari perbicaraan PYM mengatakan dia tidak pernah menggunakan apa-apa kemudahan dan faedah yang ditawarkan kepadanya sebagai ahli.

PYM dalam keterangan seterusnya menyatakan bahawa pada bulan Ogos 2010, dia telah menerima satu panggilan telefon dari Syarikat Jive Global iaitu Penentang kedua (PP2) yang memberitahunya bahawa PYM mempunyai hutang tertunggak sebanyak RM3480.00 terhadap

Syarikat Legend Worldwide Holidays akibat dari faedah pembelian "time share" PYM yang tidak membayar. PP2 meminta PYM untuk membayar hutang tersebut. Walau bagaimanapun PP2 memberitahu PYM bahawa dia boleh membantu PYM untuk menjual keahliannya dengan syarikat Legend World Wide Holidays kepada pihak ketiga dan PYM diminta untuk membayar kepadanya sebanyak RM3480.00 sebagai bayaran faedah bayaran keahlian yang tertunggak terhadap syarikat Legend Worldwide Holidays dan PYM telah membayar jumlah tersebut kepada PP2.

Pada bulan Disember 2010 PP2 telah memberitahu PYM bahawa terdapat seorang pembeli dari Singapura yang ingin membeli keahlian PYM. PP2 telah meminta PYM membayar RM500.00 untuk membeli "*entitlement*" dan PYM telah membayarnya. Pada bulan Jun 2011 PYM diberitahu oleh PP2 bahawa dia tidak dapat menjual keahlian PYM kepada pihak ketiga tersebut. PP2 telah meminta PYM untuk berurusan dengan syarikat Wellmen Network Sdn Bhd (PP1) yang boleh menguruskan penjualan keahlian dengan pembeli dari Singapura dan pejabat PP1 berada di pejabat yang sama dengan PP2. PP1 juga telah menjanjikan yang sama seperti PP2.

PYM diberitahu oleh PP2 bahawa wang yang telah dibayar tidak boleh dikembalikan dan mencadangkan supaya PYM menjadi Ahli syarikat PP1 dan wang sebanyak RM3,980.00 yang telah dibayar di kontra sebagai bayaran kepada sebahagian dari harga jualan keahlian tersebut untuk tempoh 20 tahun dengan harga RM26,020.00 secara bayaran ansuran selama 20 tahun. PYM bersetuju dengan cadangan tersebut dan dia juga diminta untuk membayar PP1 RM1,000.00 sebagai deposit dan PYM telah membayarnya. PYM telah menandatangani perjanjian keahlian dengan PP1 dengan kepercayaan PP2 akan menamatkan keahliannya dengan Legend Worldwide Holidays.

PYM kemudian mendapat tahu sebenarnya "*timeshare*" keahliannya dengan Legend worldwide Holidays telah dibatalkan oleh Legend World Wide Holidays pada 27 Disember 2006. Oleh itu PYM mendapati dia telah ditipu oleh PP1 dan PP2 serta menuntut kedua-dua Penentang membayar balik jumlah wang yang telah dibayar terhadap kedua-dua pihak iaitu sebanyak RM3,980.00 dari PP2 dan RM1,000.00 dari PP1.

## **Keterangan Pembelaan PP1**

PP1 di dalam keterangan lisan di dalam perbicaraan hanya menyatakan bahawa PYM telah menandatangani satu surat untuk PP1 mendapatkan penamatan secara rasmi.

Walau bagaimanapun di dalam pembelaan bertulis yang dilampirkan PP1 menyatakan bahawa syarikat PP1 adalah sebuah syarikat mengenai "*medical tourism facilitator*" dan syarikat ini merupakan "*associate company*" kepada syarikat PP2. PP1 mengatakan PYM adalah ahli Jive Global (PP2) dan PYM bersetuju untuk memindahkan bayaran keahlian sebanyak RM3,480.00 yang telah di bayar kepada syarikat Jive Global (PP2) kepada syarikat Wellmen Network Sdn Bhd (PP1) untuk PYM menjadi ahli Wellmen Network Sdn Bhd. Mengikut perjanjian jika PYM ingin menamatkan keahlian maka bayaran tersebut tidak boleh dikembalikan. PYM juga telah membayar RM500.00 sebagai "*booking fees*" dan RM1,000.00 sebagai deposit yang juga mengikut perjanjian tidak akan dikembalikan disebabkan pembatalan. Oleh itu PP1 menyatakan PYM tidak berhak untuk menuntut kesemua jumlah yang telah dibayar.

## **Keterangan PP2**

PP2 di dalam keterangan bertulis menyatakan bahawa PYM telah menjadi ahli Jive Global dan PYM telah membayar RM3,480.00 sebagai "*enrolment fees*" dan seterusnya keahlian tersebut terbatal kerana PYM telah memindahkan keahlian tersebut ke syarikat PP2 dan RM500 yang dibayar oleh PYM adalah "*entitlement fee*" yang juga tidak boleh dipulangkan.

## **ISU**

Isu yang perlu diputuskan ialah sama ada bayaran RM3,480.00 yang dibuat oleh PYM adalah bayaran untuk menyelesaikan bayaran faedah yang tertunggak yang akan diselesaikan oleh PP2 bagi pihak PYM dan bayaran RM500.00 adalah bayaran "*entitlement fees*" untuk membolehkan PP2 menjual keahlian tersebut kepada pihak ketiga ATAU ia merupakan bayaran keahlian PYM untuk menjadi ahli di syarikat PP2 yang kemudian dipindahkan ke syarikat PP1. Saya mendapat keterangan PYM adalah bercanggah dengan keterangan PP1 dan PP2.

## KEPUTUSAN

Walau bagaimanapun atas dasar kebarangkalian yang munasabah saya mempercayai keterangan PYM iaitu dia membuat bayaran RM3,480.00 atas kepercayaan bahawa ia adalah bayaran faedah yang perlu diselesaikan oleh PP2 bagi pihak PYM untuk membolehkan PP2 menjual keahlian PYM dengan Legend Worldwide Holidays kepada Pihak ketiga dan diikuti dengan "*entitlement fees*" untuk membolehkan PP2 bertindak bagi pihak PYM menamatkan perjanjian keahlian di antara PYM dengan Legend World Wide Holidays kerana ketika itu PYM tidak mengetahui bahawa keahliannya dengan Legend Worlwide Holidays telah ditamatkan oleh Legend Worldwide Holidays pada 27 Disember 2006. Dalam masa yang sama kedua-dua Penentang tidak mencabar keterangan PYM dalam perbicaraan.

Oleh itu saya mendapati PP2 mengetahui dia tidak perlu memberi perkhidmatan untuk membatakan kontrak diantara PYM dan LegendWorld Wide Holidays kerana kontrak tersebut sememangnya telah dibatalkan. Oleh itu penerimaan bayaran oleh PP2 dari PYM adalah bercanggah dengan peruntukan di dalam Seksyen 16(a) Akta Pelindungan Pengguna 1999 yang menyatakan ;-

“Tiada seorang pun boleh menuntut atau menyetujui terima, apa-pa bayaran atau balasan lain bagi barang atau perkhidmatan, jika pada masa tuntutan atau penyetujuterimaan itu orang itu tidak berniat untuk membekalkan barang atau perkhidmatan itu”.

Oleh itu PP2 hendaklah mengembalikan wang sebanyak RM3,980.00 kepada PYM.

Isu seterusnya ialah mengenai tuntutan PYM terhadap PP1 sama ada bayaran deposit sebanyak RM1,000.00 yang telah dibayar oleh PYM kepada syarikat PP1 sebagai bayaran keahlian boleh dikembalikan kepada PYM.

Oleh kerana saya telah memutuskan supaya PP2 membayar PYM RM3,980.00 kepada PP2 di kembalikan kepada PYM maka wang tersebut tidak boleh dibayar kepada PP1 sebagai sebahagian bayaran keahlian PYM dengan PP1. Oleh itu perjanjian tersebut terbatal kerana persetujuan untuk memindahkan bayaran tersebut tidak boleh dilaksanakan Akibat daripada pembatalan tersebut PP1 hendaklah membayar balik bayaran deposit RM1,000.00 kepada PYM.

## **Award Borang 10**

Oleh itu saya telah mengeluarkan Award di dalam Borang 10 seperti berikut:

1. Penentang Pertama hendaklah membayar kepada Pihak Yang Menuntut RM1,000.00 dalam masa 14 hari dari tarikh award diserahkan.
2. Penentang Kedua hendaklah membayar kepada Pihak Yang Menuntut RM3,980.00 dalam masa 14 hari dari tarikh award di serahkan.

**SITI NAAISHAH BINTI HAMBALI**  
PRESIDEN  
TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA  
MALAYSIA.

Tarikh: 28 Julai 2011